

**AGAMA DAN MEDIA MASSA DI INDONESIA :
SATU KAJIAN KES TERHADAP AKHBAR
REPUBLIKA MENGENAI LAPORAN BERITA
KONFLIK DI MALUKU**

Oleh :

Taufik Hidayat

**Tesis ini diserahkan untuk memenuhi sebahagian
keperluan bagi memperolehi ijazah Sarjana Sastera**

Pusat Pengajian Komunikasi

Universiti Sains Malaysia

May 2003

**Untuk Fitriah, Ibuku, Mertuaku yang
Selalu Hadir Ketika Hamba Hendak Terbang Tinggi**

PENGHARGAAN

Atas wujudnya tesis ini, penulis ucapkan beribu santun dan terima kasih, pada :

ALLAH S.W.T.

- Atas berkat dan rahmat-Nya yang sangat besar kepada penulis.

FITRIAH ABDUL AZIZ

- Istri tercinta, atas keikhlasannya menemani penulis dalam proses studi di Malaysia dan sekaligus menjadi motivator utama dalam perjalanan hidup penulis.

KELUARGA KIKI FARIDA DAN ABDUL AZIZ

- Atas dukungannya kepada penulis, baik dari segi moril mahupun materiil

PROF. MADYA. DR. MUSTAFA KAMAL ANUAR

- Penyelia kami, yang memberikan bimbingan dengan kesabaran sekaligus sangat terbuka dalam mendiskusikan idea- idea baru, yang sangat membantu penulis dalam mewujudkan tesis ini.

PROF. MADYA. DR. ZAHAROM NAIM

- Atas perspektifnya yang berbeza jauh dari kebanyakan orang sehingga membuka mata penulis terhadap perlunya mempunyai tradisi tertentu dalam bidang keilmuan.

PUSAT PENGAJIAN KOMUNIKASI

- Prof. Ramli Mohammed. Dr. Shanti Balraj dan Dr. Khor Yoke Lim atas materi kuliahnya yang sangat cukup menarik dan mencabar, begitu pula juga dengan rakan – rakan perkuliahan Norhazlina Hashim, Suhaida, Tan, Aziah Zawarni, Nurhayati, Rizam and pasanganya, dan nama –nama lain yang tidak sempat disebutkan disini.

PENGURUS LEMBAGA PENDIDIKAN AL-QUR'AN NURUL IMAN

- Atas, keikhlasannya mengurus dan mengelola LPA Nurul Iman selama penulis pergi sehingga masih betahan hingga sekarang.

HIMPUNAN MAHASISWA ISLAM

- Atas latihan pengakaderannya yang mencetak penulis lebih peduli terhadap masalah-masalah agama, keilmuan, politik, sosial dan budaya. Rakan-rakan HMI di Universitas Jayabaya yang menjadi tempat diskusi.

DEPARTEMEN MARKETING UNIVERSITAS JAYABAYA

- Yang mengikhlasakan penulis untuk melanjutkan studi, di tengah-tengah perjuangan mendapatkan “anak SMU” lebih banyak. Ibu Julia Jayaputri yang menjadi bos sekaligus kawan yang sangat perhatian sama anak-anaknya.

YEOH CHING LOON

- Atas waktunya menemani penulis melihat keindahan pulau penang dan rakan diskusi yang sangat kritis.

ABSTRAK

Kajian ini merupakan kajian yang hendak meneliti sejauhmana hubungan media dan agama di Indonesia dengan mengambil satu kes daripada akhbar *Republika*. Di Indonesia, sejarah akhbar aliran utama yang berskop nasional tidak dapat dilepaskan dari aspek agama. *Republika* merupakan akhbar yang diterbitkan oleh Ikatan Cendekiawan Muslim se-Indonesia (ICMI) yang wujud sebagai gerakan politik untuk membaiki posisi kelompok – kelompok Islam yang terpinggirkan pada tahun 1980-an di Indonesia. Melalui kes rusuhan atau konflik yang terjadi di Maluku, penulis mencuba untuk melihat kaitan agama dan media tersebut menerusi persoalan tentang bagaimana corak pelaporan *Republika* dan kecondongannya dalam meliput pihak yang sedang bertelagah atau berkonflik.

Kajian ini menggunakan pendekatan-pendekatan ekonomi politik dan kajian budaya sebagai rangka teori bagi menjawab soalan yang dimajukan. Sedangkan kaedah kajian yang digunakan adalah analisis wacana (*discourse analysis*) dan analisis kandungan (*content analysis*). Kedua pendekatan ini berbeza dari segi pendekatan dan analisisnya. Di mana analisis wacana bersifat kualitatif dan analisis kandungan bersifat kuantitatif, hal ini sengaja penulis gabungkan untuk mendapat jawapan yang holistik dan komprehensif dari soalan yang diajukan. Tetapi kaedah analisis wacana lebih diambil berat oleh penulis, sedangkan analisis kandungan yang bersifat kuantitatif digunakan hanya bagi menyokong temuan daripada analisis wacana selain pula untuk melihat pola dan darjah yang wujud dalam laporan tersebut.

Selepas penulis menguraikan latar belakang sosial, ekonomi, politik dan sejarah hubungan agama di Indonesia pada amnya dan Maluku pada khususnya, begitu pula penulis menguraikan sejarah persuratkhabaran dan profil *Republika* dari segi kawalan dan kepemilikan maka setelah melakukan Analisis wacana dan kandungan terhadap artikel-artikel berita dan rencana akhbar, penulis menemukan bahawa *Republika* masih sangat kuat berpihak pada kelompok mahupun ideologi Islam, di mana pelaku rusuhan di Maluku tidak pernah dikaitkan kepada kelompok atau pihak Islam tetapi lebih banyak tidak menggunakan identiti ataupun menggunakan identiti non-agama, tentera / polis dan pihak Kristian. Begitu pula *Republika* sangat simpati terhadap jatuhnya mangsa yang mati dari pihak Islam dan kerap mengekspresikan rasa kecewanya dari tulisan beritanya mahupun rencana akhbarnya sedangkan mangsa yang mati dari pihak Kristian hampir tidak pernah dilaporkan atau diliput. Kecondongan kepada pihak atau kelompok Islam ini semakin diperkuat dengan dominannya sumber – sumber berita dari tokoh – tokoh, saksi – saksi atau aktivis – aktivis Islam yang dirujuk oleh *Republika*. Dalam hal pembidasan, *Republika* melakukannya secara hati-hati dan sifatnya sangat halus dan kerap kali tidak dikaitkan kepada kelompok agama tertentu, di mana *Republika* lebih condong tidak mengungkap identiti sebenar pihak yang dibidas oleh *Republika* sama ada kerana melakukan penyerangan kepada kelompok Islam atau melakukan aktiviti yang berkonotasi negatif.

ABSTRACT

This study indeed is trying to examine how far the relationship between mass media and religion in Indonesia with *Republika* newspaper as a case. In Indonesia, most of the mainstream newspapers can't be detached historically from religious aspect. *Republika* was first published by the Indonesian Association for Moslem Scholars (ICMI – *Ikatan Cendekiawan Muslim se-Indonesia*) which politically emerged as the awakening of Islamic movement that had been marginalized for the last two decades under new order's regime. By choosing molla's conflict or riots case, this study tries to figure out the interplay between newspaper and religion through questioning upon reporting pattern and tendency in covering both conflicting parties i.e. Moslem and Christian.

This study uses the political economy and cultural approach as the theoretical framework as an effort to answer the proposed-problems. Discourse analysis and content analysis are utilized as the methodology which discourse analysis reflects the qualitative approach and content analysis means quantitative. This two different approach is intentionally used by the researcher as an effort to answer the proposed-problems comprehensively and holistically. Still, the discourse analysis is more focused as the main method whereas the quantitative content analysis is only used for supporting what have been already found through discourse analysis beside for figuring out the existing pattern and degree in the reporting.

After elaborating the social, economy, political background and the history of religious interaction in Indonesia generally and Molluca specifically, then, this study also elaborates press history and profile and control towards *Republika*. By using the discourse analysis and content analysis in examining the news stories and editorial, this study finds that *Republika* tends to support the Islamic ideology and its group, where the subject of the riot or conflict has never been associated and referred to the Islamic group or side instead the subject of riots tends to be anonym, non-religious identity, military and Christian side. The death or wounded victims from the Moslem side are covered or reported significantly compared to the other victims, while the victims from the Christian side are almost never covered or reported. More than that, the death and wounded victims from Moslem side are usually expressed with regret and blame the attackers. This tendency of reporting to Islamic side is also emphasized by the news sources from Moslem scholars and activists that dominantly referred by *Republika*. In slandering to the subject of the riot or conflict, *Republika* carefully does it and seldom to relate it to the religious identity, as *Republika* does not reveal the true identity of the attackers (to the Moslem side) or the subject who did the destructive acts.

JADUAL KANDUNGAN

	MS
Dedikasi	i
Penghargaan	ii
Abstrak	iii
Abstract	iv
Jadual Kandungan	v
Senarai Jadual	viii
Senarai Carta	ix
Senarai Singkatan	x
Notis	xi
BAB I. PENDAHULUAN	
1.1. Latar Belakang Kajian	1
1.2. Pernyataan Masalah	2
1.3. Persoalan Kajian	4
1.4. Objektif Kajian	5
1.5. Kepentingan Kajian	6
1.6. Defini / Penakrifan	6
1.7. Kajian Lepas	7
1.8. Skop Kajian	10
1.9. Kerangka Penulisan	10
BAB II. RANGKA TEORI : AKHBAR, AGAMA DAN KONFLIK	
2.1. Pendahuluan	12
2.2. Media dan Agama di dalam Sistem Industrialisasi	13
2.3. Akhbar dalam Sistem Sosial dan Politik	16
2.4. Impaknya terhadap Kandungan Akhbar dalam Pelaporan Konflik	20
2.5. Objektifiti dalam Pelaporan Berita	21
BAB III. METODOLOGI KAJIAN	
3.1. Pemilihan Kaedah	24
3.2. Analisis Wacana (<i>Discourse Analysis</i>)	25
3.2.1. Analisis Peristiwa Komunikasi	26

3.2.1.1. Analisis Teks	27
3.2.1.1.1. Representasi di Dalam Teks	27
3.2.1.2. Amalan Wacana dan Analisis Intertekstual	29
3.2.1.2.1. Analisis Representasi Wacana	30
3.2.1.2.2. Analisis Wacana di Dalam Teks	32
3.2.1.3. Amalan Sosio Budaya	33
3.2.2. Pemilihan Unit Analisis dan Sample bagi Analisis Wacana	33
3.3. Analisis Kandungan Kuantitatif	34
3.3.1. Prosedur Persampelan dan Unit Pemerhatian	35
3.3.2. Kategorisasi dan Pengkodan	36
3.3.3. Unit Analisa dan Pengukuran (<i>Measurement</i>)	38

BAB IV. KEADAAN SOSIAL, POLITIK, EKONOMI DI INDONESIA DAN MALUKU

4.1. Pengenalan	40
4.2. Sistem Kenegaraan dan Kemasyarakatan	43
4.3. Sistem Politik dan Kepartian	46
4.4. Ideologi Pancasila	50
4.5. Keadaan Ekonomi di Indonesia	54

BAB V. KEADAAAN PEMELUK AGAMA ISLAM DAN KRISTIAN DI INDONESIA DAN MALUKU DAN KONFLIK AGAMA DI MALUKU

5.1. Sejarah Hubungan Pemeluk Agama Islam dan Kristian di Indonesia amnya dan Maluku khususnya	62
5.2. Keadaan Pemeluk Agama Islam dan Kristian di Indonesia dan Maluku Pada Masa Rejim Sukarno dan Suharto	69
5.3. Islamisasi dan Perjuangan Posisi Kerjaya di Pentadbiran Pemerintah Maluku	74
5.4. Perubahan Komposisi Pemeluk Agama Akibat Program Transmigrasi	77
5.5. Konflik Agama di Maluku	
5.5.1. Wacana Sosial dan Politik Sebab-Musabab Konflik	79
5.5.2. Kronologi Peristiwa Konflik	82
5.5.3. Konflik Pada Masa Pemerintahan Abdurrahman Wahid	90

BAB VI. INDUSTRI PERSURATKHABARAN DI INDONESIA

6.1. Sejarah Singkat Persuratkhabaran di Indonesia	94
6.2. Media Pada Masa Orde Baru (Rejim Suharto)	98
6.3. Keadaan Media Cetak Setelah Kejatuhan Suharto	105
6.4. Media dan Agama di Indonesia	109
6.5. Kemunduran Media Politik-Agama dan Kemunculan Media Komersial	114

BAB VII. SEJARAH DAN PROFIL AKHBAR REPUBLIKA

7.1. Dominasi <i>Sinar Harapan</i> dan <i>Kompas</i>	121
7.2. Sejarah Penubuhan Ikatan Cendikiawan Muslim se-Indonesia (ICMI)	123
7.3. Spektrum Kelompok-kelompok Kepentingan Dalam ICMI	125
7.4. Pro dan Kontra Penubuhan ICMI	128
7.5. Asal Usul <i>Republika</i>	134
7.6. Struktur Kepemilikan dan Kawalan Dalam <i>Republika</i>	134

BAB VIII. LIPUTAN *REPUBLIKA* TENTANG KONFLIK MALUKU: TEMUAN DAN ANALISIS DATA

8.1. Pendahuluan	140
8.2. Liputan Berita pada Awal Rusuhan atau Konflik	141
8.3. Laporan tentang Pelaku Konflik	146
8.4. Laporan Mangsa Rusuhan dan Identitinya	154
8.5. Representasi Sumber	165
8.6. Kecondongan Editorial / Rencana Akhbar <i>Republika</i>	168

BAB IX. KESIMPULAN DAN PERBINCANGAN TEMUAN KAJIAN

LAMPIRAN ARTIKEL BERITA DAN RENCANA AKHBAR

PETA PROPINSI MALUKU

SENARAI RUJUKAN

SENARAI JADUAL

Jadual 1. Jumlah Gereja yang Ditutup, Dirosak atau Dibakar di Indonesia Periode Tahun 1945 – 1997	65
Jadual 2. Jenis – Jenis akhbar tahun 1970-an	99
Jadual 3. Belanja Iklan Media Periode Tahun 1992 – 1998	115
Jadual 4. Senarai Lima Besar Akhbar di Indonesia (1999)	119
Jadual 5. Komposisi Pemegang Saham PT. Abdi Bangsa Tahun 1993 – 1997	137
Jadual 6. Komposisi Pemegang Saham PT. Abdi Bangsa Tahun 1998 – 2000	138
Jadual 7. Identiti Pelaku Rusuhan / Konflik/ Penyerangan (Subject)	147
Jadual 8. Pelaku Rusuhan / Konflik dan Representasi Kata untuk Tindakan Dengan Konotasi Negatif	152
Jadual 9. Identiti Mangsa Rusuhan / Konflik	164
Jadual 10. Darjah Keterwakilan Sumber Tokoh-Tokoh Islam	166
Jadual 11. Sumber Rujukan Republika dan Darjah Keterwakilan (Level of Representation)	167

SENARAI CARTA

Carta 1. Rangka Kerja Bagi Analisis Wacana Kritikal Atas Peristiwa Komunikasi	26
Carta 2. Kecondongan Ideologi Akhbar Tahun 1950-an	96

Senarai Singkatan

ABRI	Angkatan Bersenjata Republik Indonesia
CSIS	Centre For Strategic and International Studies
CIDES	Centre for International and Development Studies
DPR	Dewan Perwakilan Rakyat
FPI	Front Pembela Islam
GOLKAR	Golongan Karya
GPI	Gerakan Pemuda Islam
ICMI	Ikatan Cendekiawan Muslim se-Indonesia
KOPKAMTIB	Komando Pasukan Keamanan dan Ketertiban
KODYA	Kota Madya
MPR	Majelis Permusyawaratan Rakyat
MASYUMI	Majlis Syoro Muslimin Indonesia
NU	Nahdatul Ulama
PKI	Parti Komunis Indonesia
PNI	Partai Nasional Indonesia
PSI	Partai Sosialis Indonesia
PSII	Partai Sarikat Islam Indonesia
PERTI	Partai Islam
PARKINDO	Partai Kristen Indonesia
PDIP	Partai Demokrasi Indonesia Perjuangan
PAN	Parti Amanat Nasional
RMS	Republik Maluku Selatan
SK	Surat Keputusan
SARA	Suku, Agamam Ras dan Antargolongan
UUD 1945	Undang -Undang Dasar 1945

BAB I

PENDAHULUAN

1.1. Latar Belakang Kajian

Konflik Maluku merupakan peristiwa multidimensional yang membabitkan tafsiran-tafsiran agama, ideologi, politik mahupun ekonomi, terutamanya hubungan antara pemeluk agama di Indonesia. Sebelum peristiwa Maluku ini, Indonesia telahpun mengalami beberapa peristiwa berdarah yang melibatkan untai kejadian yang bercorak suku dan agama, seperti peristiwa Banyuwangi dan Sambas serta peristiwa kecil yang lain.

Konflik di Maluku yang bermula pada 19 Januari 1999 berlaku ketika Indonesia bersiap untuk melaksanakan pilihanraya yang dianggap sebagai pemilu bersejarah dalam kehidupan berbangsa selepas kemerdekaan yang mana terjadi transisi penguasa dari rejim autoritarian kepada rejim demokrasi (*Kompas*, 22 Januari 1999). Peristiwa Maluku pula merupakan antiklimaks dari hubungan pemeluk agama yang selama ini diseragamkan dalam satu ideologi iaitu ideologi pancasila oleh rejim Suharto ketika berkuasa.

Peristiwa Maluku mempamerkan tragedi kemanusiaan yang paling banyak meragut nyawa dalam sejarah konflik sivil di Indonesia. Konflik inipun mempunyai latar belakang konflik antara pemeluk agama yang cukup kuat iaitu antara pemeluk agama Islam dan pemeluk agama Kristian di Maluku. Konflik ini dianggap sebagai punca keretakan hubungan antara pemeluk agama Islam dan pemeluk agama Kristian di Indonesia yang selama ini mempunyai hubungan yang serba dipenuhi dengan rasa curiga dan tarik menarik terutamanya dalam isu kenegaraan dan politik (Seperti Negara Islam, Tentera Kristian, Kristianisasi dll.) (Adian, 2000).

Akhbar nasional, khususnya penerbitan yang berlatar belakangkan agama selalu mendapat perhatian orang ramai yang ingin diketahui peranan yang dimainkan dalam konflik agama mahupun konflik lainnya. Akhbar berskop nasional seperti *Republika* didakwa oleh sebahagian pihak sebagai tidak adil dan tidak seimbang kerana seringkali hanya mangsa dari pihak kelompok Islam yang dilaporkan secara

teliti dan mengenyampingkan mangsa dari kelompok Kristian. Selain itu, terdapat dakwaan media massa termasuk akhbar *Republika* seringkali dianggap meningkatkan kadar konflik yang berlaku (Ibid.) Menerusi kajian ini kita dapat mengetahui sama ada dakwaan itu benar atau tidaknya.

1.2. Pernyataan Masalah

Agama di Indonesia merupakan faktor yang cukup penting dalam melihat segala aspek yang terjadi di Indonesia khususnya konflik yang berlaku di Maluku (Mansor, 2000). Semua aspek kehidupan berkisar dari aspek politik, sosial, hukum ataupun kehidupan sehari-hari tidak dapat mengenyampingkan aspek agama lebih-lebih lagi agama Islam. Agama Islam dan Kristian (Protestan) adalah agama terbesar pertama dan kedua di Indonesia di mana pemeluk agama Islam lebih kurang 85 % dan pemeluk agama Kristian lebih kurang 12 % dan selebihnya adalah agama Hindu, Buddha dan lain-lain. Di Indonesia hampir sebahagian besar kelompok sosial dibentuk berasaskan pada wadah agama khususnya agama Islam seperti organisasi Muhammadiyah, Nahdatul Ulama, Himpunan Mahasiswa Islam, Parti Persatuan Pembangunan, Parti Keadilan, Parti Ummat Islam, Al-Irsyad, Dewan Dakwah Islamiyah Indonesia, Ikatan Cendekiawan Muslim se-Indonesia (ICMI), dan banyak lagi organisasi-organisasi atau kelompok-kelompok Islam yang lain. Kelompok-kelompok agama ini sangat besar dan kuat pengaruhnya terhadap perubahan sosial, politik dan ekonomi di Indonesia (Lihat misalnya pembahasan yang cukup komprehensif oleh Hefner, 1999).

Kelompok-kelompok dan pemeluk-pemeluk agama antara Islam dan Kristian mempunyai sejarah yang cukup tegang semenjak kemerdekaan Indonesia. Contoh yang paling jelas adalah berasaskan laporan pihak Kristian bahawa sudah hampir 500 gereja dibakar dan dirosakkan sejak tahun 1945 – 1997 (Adian, 2000) dan jumlahnya semakin bertambah semenjak konflik agama yang bermula pada tahun 1998. Ketegangan hubungan kedua pemeluk agama ini juga meresap masuk kedalam akhbar, di mana akhbar di Indonesia mempunyai asas agama yang cukup kuat. *Republika* semenjak pembentukannya pada tahun 1993, merupakan reaksi kelompok cendekiawan Islam terhadap peminggiran suara-suara kelompok Islam dalam media yang semenjak tahun 1970-an didominasi oleh kelompok Kristian Katolik dengan

akhbar *Kompas* (dibentuk pada tahun 1965) dan kelompok Kristian Protestan dengan akhbar *Sinar Harapan* (dibentuk pada tahun 1963) yang pada tahun 1970 mengubah nama menjadi akhbar *Suara Pembaharuan*. (Hill, 1994).

Anehnya, di Indonesia walaupun majoriti penduduknya adalah beragama Islam, tetapi pemerintah khususnya pada zaman Suharto sangat benci terhadap gerakan kelompok Islam terutamanya kelompok Islam politik, hingga akhbar *Abadi* sebagai sebuah akhbar yang bernafaskan Islam selalu menjadi sasaran pelucutan permit kerana sikap kritis dalam laporan akhbar *Abadi*. Tetapi semenjak 1990-an, Suharto mula sedar terhadap perlunya menarik simpati kelompok-kelompok Islam, iaitu dengan pembentukan organisasi ICMI (Ikatan Cendekiawan Muslim se-Indonesia) dan penerbitan *Republika* sebagai akhbar yang bernafaskan Islam sebagai langkah awal mengharmonikan hubungan kelompok Islam dengan rejim Suharto.

Selepas kejatuhan Suharto pada tahun 1998, perbalahan kelompok Islam dan kelompok Kristian semakin tegang, kerana tiada sebarang kelompok yang boleh mendominasi kelompok lain. Akhbar menikmati kebebasan yang luar biasa, apatah lagi setelah pembubaran Jabatan Kementrian Penerangan yang dahulunya merupakan pengawal bagi media yang degil dan tidak menurut pemerintah. Bersamaan dengan hal tersebut, kesedaran kelompok Islam mula menjadi-jadi dengan bertambahnya kekuatan kelompok Islam Politik.¹, tetapi anehnya lagi, pada saat terjadinya peristiwa Maluku, presiden Indonesia saat itu Abdurrahman Wahid, malah kerap kali menyalahkan kelompok Islam dan membela kelompok minoriti Kristian. Peristiwa Maluku merupakan peristiwa berdarah paling lama dan paling buruk sesudah peristiwa Aceh dalam sejarah Indonesia semenjak kemerdekaan, dan peristiwa ini membabitkan sensitiviti agama antara Islam dengan Kristian, dan Akhbar Islam iaitu *Republika* punya kemungkinan mempertingkatkan ketegangan konflik yang berlaku di Maluku. Kerana dari survey yang dijalankan oleh organisasi pemerhati media tempatan mendapati bahawa tiga daripada empat orang responden sepakat bahawa liputan media menyumbang kepada “perpecahan bangsa” (*National Disintegration*). (Tesoro, 2000).

¹ Sebagai indikator ialah ramainya parti yang mengisytiharkan sebagai parti Islam

Peristiwa konflik di Maluku terjadi pada masa pemerintahan Dr. Ing. Bacharuddin Jusuf Habibie dan ia merupakan salah satu pendiri ICMI. Melalui ICMI inilah maka muncul idea untuk menubuhkan sebuah Yayasan Abdi Bangsa yang kemudian mendirikan syarikat PT. Abdi Bangsa dan kemudian menerbitkan akhbar *Republika* pada tahun 1993 di mana Habibie pada masa itu menjadi pemilik saham terbesar di dalam penerbitan *Republika* tersebut. Salah satu persoalan yang boleh ditimbulkan di sini ialah, bagaimana hubungan kait-mengkait (*interplay*) antara peristiwa konflik di Maluku yang terjadi pada masa pentadbiran presiden Habibie (1999) dengan akhbar *Republika* yang merupakan akhbar yang ditubuhkan dan disokong penuh oleh Habibie pada mula awal penubuhannya.

Selain itu pula, dalam suasana di mana ketiadaan tekanan dan belunggu ke atas media daripada pemerintah. Seiring dengan semakin luasnya kelompok Islam yang memperoleh akses kuasa pemerintahan berbanding sebelumnya dan mulai terancamnya posisi politik dan sosial kelompok Kristian. Pada masa itu pula berlaku transisi sistem politik dan sosial dari sistem autoritarian kepada sistem demokrasi (pasar bebas) adalah hal yang mencabar bagi melihat bagaimana hubungan media khususnya akhbar yang mempunyai orientasi ke-Islam-an dengan peristiwa konflik agama yang terjadi di Maluku .

Pemilihan akhbar *Republika* dibuat sebagai satu kajian kes dalam penyelidikan ini memandangkan betapa pentingnya akhbar *Republika* yang wujud dalam masyarakat Indonesia yang berpenduduk majoriti penduduknya beragama Islam dan juga kerana akhbar *Republika* merupakan satu –satunya akhbar Islam yang didirikan oleh pelbagai macam kepentingan kelompok – kelompok Islam di dalam ICMI. Satu perbandingan antara akhbar yang berlatarbelakangkan agama Kristian, seperti Kompas dan Suara Pembaharuan, dengan *Republika* boleh mendatangkan hasil yang baik, tetapi keberbatasan masa penyelidik menyebabkan hanya *Republika* sahaja yang menjadi tumpuan kajian.

1.3. Persoalan Kajian

Berdasarkan latar belakang kajian dan pernyataan masalah, maka kajian ini cuba meneliti persoalan-persoalan berikut :

- a. Bagaimanakah corak pelaporan berita konflik agama yang berlaku di Maluku oleh akhbar *Republika* ?
- b. Adakah akhbar *Republika* menyokong komuniti Islam dan membidas komuniti Kristian dalam laporannya, atau sebaliknya, atau pada kadar seimbang ? Jika ada, sejauhmanakah kecenderungan laporan ini?

Persoalan kajian di atas sebenarnya disesuaikan dengan kaedah kajian yang akan digunakan, kerana kaedah kajian ini menggunakan dua pendekatan iaitu kualitatif (Analisis Wacan) dan kuantitatif (Analisis Kandungan) maka persoalan kajian (a) menggunakan pendekatan kualitatif yang akan menggunakan analisis wacana dalam usaha mendapatkan corak dan kecenderungan pelaporan, sedangkan persoalan (b) menggunakan pendekatan kuantitatif kerana terdapat kategori “menyokong” dan “membidas” yang akan dijawab dengan menggunakan kaedah analisa kandungan dengan menggunakan kategori kategori yang dapat diukur. Pendek kata, persoalan kajian (a) diperuntukkan bagi domain kualitatif sedangkan persoalan kajian (b) diperuntukkan bagi domain kuantitatif. Tetapi dua persoalan ini bukan merupakan persoalan yang terpisah tetapi saling kait mengkait, dimana tumpuan penulis lebih kepada pendekatan kualitatif sedangkan pendekatan kuantitatif berperanan untuk memberi sokongan kepada kaedah kualitatif.

1.4. Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai objektif umum mahupun khusus. Objektif khusus kajian ini adalah mendapat panduan jelas tentang pelaporan akhbar *Republika* dalam kes konflik Maluku. Kajian yang ekstensif telah dilakukan dalam bidang ini di sesetengah negara maju seperti Amerika dan Eropah. Tetapi data dan kajian yang sistematik jarang terdapat di Indonesia. Oleh sebab itu, hasil kajian ini boleh digunakan bagi pihak-pihak terbabit di Indonesia khususnya dan di tempat lain umumnya bagi memahami keadaan dinamik agama, konflik dan media di Indonesia.

Dan objektif umum kajian ini adalah :

- Untuk mengecilkan jurang pengetahuan tentang media, agama dan konflik

- Untuk menyumbang hasil kajian kepada pembuat keputusan, misalnya pemimpin, ahli parlimen, ahli akademik, orang awam dan sesiapa yang menaruh perhatian masalah hubungan agama, konflik dan media.
- Untuk memberikan kemampuan praktis bagi pengkaji dalam bidang kajian ini, sehingga membolehkan pengkaji membuat kajian yang lebih baik pada kajian selanjutnya.

1.5. Kepentingan Kajian

Memandangkan kajian ini boleh disifatkan sebagai suatu kajian yang tidak kerap dalam hubungan akhbar dan agama, maka diharapkan ianya boleh menyumbang kepada :

- Melihat kepentingan mana yang paling dominan kepada pelaporan berita yang mengandungi unsur agama yang sangat kuat seperti konflik agama.
- Melihat hubungan antara konflik yang bercorak agama dengan akhbar dan sejauhmana hubungan terbabit mempengaruhi pelaporan dalam berita yang berkenaan dengan isu-isu sensitif seperti konflik agama yang membabitkan kelompok agama yang menjadi acuan akhbar terbabit (dalam kes ini adalah agama Islam).
- Melihat adakah media yang dikendalikan oleh kelompok-kelompok yang berasas agama Islam berperanan penting dalam masalah-masalah sosial di masyarakat. Dan sejauhmana media berasas agama Islam menyumbang kepada kestabilan atau ketidakstabilan di dalam masyarakat.
- Melihat corak pelaporan akhbar yang sangat kuat dipengaruhi oleh nilai-nilai agama Islam.
- Menyumbang kepada pembentukan teori-teori yang berkenaan dengan agama dan media berkenaan pengaruh agama dalam menentukan kandungan media, apatah lagi dengan semakin dianggap pentingnya isu agama di dalam pelbagai aspek keilmuan semenjak peristiwa 11 September 2001 di Amerika Syarikat.

1.6. Definisi / Penakrifan

Bagi mentakrifkan akhbar yang bernafaskan agama Islam penulis menggunakan aspek sejarah dalam pembentukan akhbar terbabit dan juga kandungan

yang wujud dalam akhbar berkenaan. Dalam hal ini George J. Adicondro (1995) mendefinisikan media agama sebagai media yang bertujuan menyebarkan nilai-nilai agama tertentu dan menegakkan ajaran-ajaran agama tertentu. *Republika* merupakan akhbar yang berorientasi kepada komuniti Islam, dan banyak laporannya mengenai permasalahan dunia Islam. Demografi pembaca *Republika* juga merupakan komuniti yang beragama Islam. Tetapi *Republika* juga mempunyai nilai komersial iaitu menerima iklan dan penjualan yang meluas hampir ke seluruh Indonesia. Boleh dikatakan *Republika* merupakan akhbar sekular yang bernuansa Islam dan merupakan akhbar aliran utama di Indonesia setaraf dengan *Kompas*, *Media Indonesia* dan *Suara Pembaharuan*.

Bagi mentakrifkan konflik agama, penulis menggunakan definisi yang dikemukakan oleh Dr. Chandra Muzaffar (di <http://www.just-international.org/religious-conflict.htm>) bahawa konflik agama adalah pertelingkahan yang terjadi antara beberapa pemeluk satu agama dengan pemeluk satu agama lainnya oleh sebab pelbagai alasan. Pertelingkahan ini tidak berlaku pada peringkat dogma atau ajaran tetapi hanya di antara beberapa pemeluknya sahaja. Kata "beberapa" mempunyai erti bahawa tidak semua pemeluk agama terbabit dalam konflik tersebut. Kerana menurut Chandra, wujud kelompok yang membenci dan menentang berlakunya konflik antara agama yang mereka anuti dengan pemeluk agama lain, dalam erti kata pertelingkahan ini hanya terhad kepada sebahagian kelompok pemeluk agama sahaja. Dalam erti kata lain, wujud pula sebahagian kelompok pemeluk agama Islam yang saling bergaduh dengan sebahagian kelompok pemeluk agama Kristian. Tetapi sebenarnya, wujud pula sebahagian kelompok pemeluk agama Islam dan Kristian yang tidak saling bergaduh dan bertelingkah malah mereka saling berkawan baik. (Misalnya ketika konflik agama berlaku di Ambon, konflik ini tidak berlaku bagi penduduk yang berada di Surabaya, Jakarta dan tempat lain).

1.7. Kajian Lepas

Kajian lepas berkenaan dengan status media dalam konflik di dalam masyarakat mempunyai pelbagai penemuan. Kajian kedoktoran yang dilakukan Nnaemeka mendapati bahawa akhbar apabila akhbar melaporkan konflik yang sedang berlaku, ia secara tidak langsung telah melegitimasi konflik atau akhbar tersebut terus

menjadi sebahagian dari konflik (Nnaemeka dalam Tichenor et al, 1980). Media massa mempunyai sumbangan dalam wacana yang berkenaan dengan status konflik yang sedang terjadi. Kerap kali media menjadi sumber legitimasi dan rujukan dari suatu status konflik. Apabila wujud bantahan tentera terhadap pemerintah, bangkangan ini akan mempunyai lebih legitimasi statusnya apabila akhbar mengiktirafnya sebagai "Aktiviti Gerila" atau "Pemberontakan" jika dibandingkan dengan takrifan atau label sebagai "Pengganas". Dalam konflik yang banyak berlaku, akhbar menjadi seperti "lembaga iktiraf" ekoran dari berlakunya sesuatu konflik (Ibid.).

Hipotesis yang paling mendasar pada masalah ini adalah bahawa akhbar lebih condong menjadi pelengkap (*supplementary*) konflik yang sedang terjadi di dalam masyarakat dan bukan berperanan sebagai penyebab (*initiator*) kepada perkembangan konflik di dalam masyarakat (misalnya bagi memulai atau menyelesaikan konflik yang sedang berlaku) (Tichenor, et. al., 1980). Media termasuk akhbar dikatakan sebagai peserta yang tidak sedar dan tidak berniat dalam proses sosial termasuk proses berlakunya konflik. Akhbar menjadi bahagian integral dari konflik yang berlaku. Dan ramai pemimpin pemerintah di kebanyakan negara mendakwa media elektronik dan cetak mempunyai peran dalam menciptakan konflik (Arno, 1984).

Dakwaan-dakwaannya ini pada asasnya sepakat menyatakan bahawa media tidak hanya mencerminkan tahap konflik yang berlaku di dalam masyarakat (pertarungan kuasa, politik, budaya dll.) tetapi juga mempunyai hubungan fungsional, di mana media meningkatkan ketegangan konflik ataupun meredakan konflik. (Ibid, 1984).

Kajian lain menyatakan bahawa dengan melaporkan konflik yang berlaku kepada masyarakat, media telah membuat seperti "pengadilan pendapat awam" yang akhirnya menyekat terjadinya konflik yang lebih luas. Kajian ini menyokong idea bahawa media berita sebagai "Pihak Ketiga" yang menjadi perantara bagi terjadinya persefahaman di kedua - dua pihak. Temuan ini didapati oleh Sripada dll. (1984) berkenaan dengan konflik India dan Pakistan (yang kerap kali membabitkan sentimen agama Islam dan Hindu terutamanya dalam konflik di Kashmir) dalam hal ini akhbar-akhbar mahupun majalah-majalah India walaupun sangat dipengaruhi oleh kelompok-kelompok agama Hindu, tidak menunjukkan corak pelaporan berita yang condong

pada permusuhan malahan media cetak di India menyokong idea untuk mencari jalan keluar dengan Republik Islam Pakistan atau menjadi "pihak ketiga" yang punya kehendak agar konflik berakhir.

Kajian yang dilakukan Simon, Fico dan Lacy (1989) memperlihatkan keseimbangan akhbar dalam pelaporan kontroversi atau konflik antara pihak yang berbeza pandangan. Kajian ini mendapati bahawa 83 % dari 241 berita tentang laporan mengenai konflik dalam bidang pendidikan, pemerintahan dan bisnes memaparkan pandangan antara kedua - dua belah pihak yang bertelagah (*cover both sides*). Ini bererti terdapat kecenderungan akhbar melaporkan secara seimbang tentang konflik yang berlaku dalam ertikata terdapat kuantiti yang seimbang dalam liputan berita antara kedua - dua belah pihak yang bertelagah. Kajian ini juga mendapati bahawa apabila wartawan hanya mengacu pada satu sumber sahaja daripada pihak yang sedang berkonflik, laporan tersebut lebih condong membidas pihak lainnya yang tidak diperolehi maklumatnya. Ketiga-tiga pengkaji ini juga mendapati bahawa kajian mereka yang lain iaitu oleh Lacy, Fico dan Simon (1989) menunjukkan bahawa ketika beban kerja (*workload*) wartawan lebih berat maka wujud kecondongan ketidakseimbangan dalam pelaporan antara pihak yang berkonflik. Hal ini diakibatkan keterbatasan masa yang ada pada wartawan menyebabkan mereka tidak dapat merujuk seluruh sumber yang ada sehingga kadangkala wartawan hanya merujuk sumber yang mudah dihubungi untuk mengejar batas akhir penulisan berita yang tersedia (*deadline*).

Sehubungan dengan itu, kajian lain mendapati bahawa media sama ada elektronik atau cetak menyumbang pada terjadinya konflik di dalam masyarakat. Kajian yang dilakukan oleh Kellow dan Steeves (1995) mendapati bahawa media massa mempunyai sumbangan bagi berlakunya pembunuhan berdarah di Rwanda dan meningkatkan ketegangan konflik antara pihak yang bertelagah.

Dari kajian yang lain terdapat ketiadaan corak pelaporan yang tetap daripada wartawan dalam pelaporan konflik. Kajian yang dijalankan oleh Fico dan Soffin (1995) mendapati bahawa kadangkala wartawan melaporkan konflik atau kontroversi dengan bercorak permusuhan atau membidas. Kadangkala wartawan hanya

melaporkan apa yang dikatakan oleh sumber terbabit tetapi di lain masa juga wartawan melaporkannya dengan kecondongan bekerjasama dengan sumber berkenaan. Ketiadaan model yang dikenal pasti dalam pelaporan kontroversi dan konflik menjadikan sukar untuk meramalkan kecondongan pelaporan akhbar mengenai konflik.

1.8. Skop Kajian

Kajian ini hanya membatasi analisisnya pada artikel- artikel berita berkaitan dengan peristiwa penyerangan antara kedua – dua belah pihak. Artikel – artikel ilmiah atau esei mengenai peristiwa ini tidak diambil kira untuk mengelakkan laporan *Republika* dan pendapat dari pihak luar yang diletakkan oleh *Republika*. Kajian ini juga mengambil kira laporan temu bual yang dimuat oleh *Republika* (Jika ada) dengan para pakar, kerana ianya menunjukkan suara – suara atau pendapat pihak mana yang diambil berat yang selari dengan dasar akhbar *Republika*.

1.9. Kerangka Penulisan

Dalam menjawab persoalan kajian, penulis akan merangkakan urutan penulisan yang terdiri dari sembilan bab, iaitu :

BAB I : Menerangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, definisi operasional / penakrifan, kajian lepas, skop kajian dan rangka penulisan.

BAB II : Dalam bab ini penulisan akan menyatakan kerangka teori yang digunakan iaitu teori – teori ataupun pendekatan – pendekatan yang melihat hubungan antara akhbar, agama dan konflik.

BAB III : Menerangkan metodologi yang akan digunakan iaitu analisa kandungan dan analisa wacana termasuk pula langkah – langkah dalam penerapan kedua – dua kaedah tersebut (operasionalisasi).

BAB IV : Penulisan dalam bab ini akan menerajui keadaan sosial. politik dan penerapan ideologi Panacasila di Indonesia sebelum berlakunya konflik di Maluku.

BAB V : Bab ini menjelaskan hubungan antara pemeluk agama Islam dan Kristian pada masa rejim Sukarno mahupun Suharto. Setelah itu dijelaskan pula sejarah berlakunya konflik di Maluku dan kemungkinan sebab – musababnya

BAB VI : Dalam bab ini penulis akan memaparkan latar belakang keadaan akhbar di Indonesia dari rejim orde baru sehingga rejim reformasi (dari Suharto hingga Abdurrahman Wahid) dan juga diterangkan antara hubungan agama dan akhbar di Indonesia.

BAB VII : Bab ini akan menerokai selengkap mungkin sejarah berdirinya akhbar *Republika*, konteks sosial dan politik di sebalik terbitnya akhbar *Republika*, pemilikan dan kawalan ke atas *Republika* dan hubungan politik para pemilik atau wartawan akhbar *Republika* serta dasar akhbar *Republika*.

BAB VIII : Temuan kajian akan dimuat dalam bab ini iaitu mengenai kecenderungan laporan akhbar *Republika* dalam melaporkan konflik di Maluku, serta melihat corak dan kecondongan akhbar *Republika* kepada komuniti agama Islam ataupun Kristian. Selain dari ini, satu perbincangan diadakan berkenaan temuan tersebut.

BAB IX.: Dalam bahagian ini penulis akan merangkum dan mendiskusikan temuan yang didapati dan menyatakan kemungkinan masalah pengajian yang dapat dikaji lebih lanjut yang mana belum diterokai dari temuan yang ada.

SENARAI RUJUKAN

BAB II

RANGKA TEORI : AKHBAR, AGAMA DAN KONFLIK

2.1. Pendahuluan

Dalam mencoba menjawab soalan kajian, penulis menggunakan teori-teori yang dikemukakan oleh pendekatan ekonomi politik dalam kajian media dan kajian budaya (*cultural studies*). Pendekatan ekonomi politik diharapkan dapat memperlihatkan kecenderungan akhbar di dalam penulisan berita konflik di mana akhbar merupakan entiti bisnes yang mencari untung untuk terus dapat bertahan walaupun terdapat idealisme nilai nilai agama di dalamnya (seperti akhbar *Republika*). Pendekatan kajian budaya pula diharapkan dapat menunjukkan bagaimana akhbar dalam sistem sosial dan budaya tertentu memperlakukan berita konflik di mana akhbar dan wartawannya dipengaruhi oleh sistem sosial, budaya, politik, agama dan ideologi di tempat wartawan tersebut beroperasi.

Perkembangan media terutama media massa tidak dapat terlepas dari struktur masyarakat di mana media tersebut muncul dan berkembang. Masyarakat dan media merupakan suatu kesatuan yang tidak dapat dipisahkan. Media massa adalah institusi sosial yang merangkumi struktur sosio-ekonomi secara keseluruhan, dan media massa mempunyai ciri-ciri tersendiri (kecondongan ideologi, kepentingan ekonomi dan politik) yang mempengaruhi bentuk dan kandungan media terbabit (Hartman dan Husband, 1981; Roshco, 1975).

Berita yang berkenaan masalah sosial di dalam masyarakat, seperti konflik agama, hanya dapat kita fahami dengan melihat kombinasi antara dimensi politik, ekonomi, budaya dan sosial dari media terbabit dalam konteks makro dan juga melihat rutin, aspek ideologi dan organisasi daripada para wartawan yang menghasilkan laporannya dalam konteks mikro. (Van Dijk, 1991). Oleh sebab itu, untuk menjawab soalan kajian secara lebih holistik dan komprehensif, penulis menggunakan teori-teori yang dikemukakan melalui dua pendekatan, iaitu pendekatan ekonomi-politik dan kajian budaya (*cultural studies*). Kedua-dua pendekatan ini mampu melihat bagaimana kandungan media dipengaruhi oleh kuasa-kuasa ekonomi, politik, dan ideologi dominan di dalam masyarakat serta proses penciptaan makna dalam konteks sosial dan budaya (Hall, 1982; Fiske 1989; Golding dan Murdock,

1991). Walaupun kedua-dua pendekatan ini mempunyai cara analisis yang agak berbeza, di mana pendekatan politik ekonomi lebih fokus kepada penentuan ekonomi dan politik terhadap kandungan media sedangkan pendekatan sosio-budaya lebih fokus pada pengaruh budaya dan ideologi dominan dalam konstruksi dan konsumsi makna media (Curran, 1990) (seperti agama Islam dan pengaruhnya atas kandungan media di Indonesia), tetapi dengan fokus yang berbeza tersebut akan membolehkan penulis mendapat analisa yang holistik dan komprehensif. Kerana media dan masyarakat adalah entiti yang dinamis dan berubah yang semestinya dilihat dengan pelbagai pendekatan.

Media massa dan konflik, merupakan dua entiti yang saling berkait, di mana media massa dapat menjadi saluran konflik antara pihak yang bertikai mahupun bagi pihak-pihak yang mempunyai kepentingan akan konflik terbabit. Tetapi media massa tidaklah saluran yang pasif kerana ianya mempunyai tafsiran-tafsiran dan *frame* tersendiri dalam melihat wujudnya konflik. Media massa bertindak berasaskan konteks sosial dan makna budaya yang dikongsi dalam masyarakat (Arno, 1984).

2.2. Media dan Agama di dalam Proses Industrialisasi

Hubungan akhbar dengan agama merupakan sesuatu yang telah wujud pada awal berkembangnya akhbar julung kali seperti di Amerika. Akhbar pada mulanya merupakan satu daripada alat bagi organisasi-organisasi agama untuk menyebarkan ajaran-ajaran agama terutamanya agama Kristian Protestan. Akhbar dianggap sebagai penyampai pesan yang sangat berkesan sehingga pihak gereja dan organisasi agama sangat menaruh tumpuannya pada akhbar dalam rangka menyampaikan mesej-mesej agama. Hal ini digambarkan oleh Altschull (1984:8) sebagai berikut :

Still, the confluence of the Protestant Reformation and the growth of business of printing doomed the medieval social order and tumbled the great principalities, as well as the immense power of the Roman Church. One can offer the plausible argument that it was only the ready availability of the printing press that made possible easy and speedy transmission by the Protestant leadership of information about the excesses of the Roman Church to the rising "public," or at least to the intelligentsia among that public, who then were able to make use of their own persuasive powers to move the masses to support for their causes.

Setelah akhbar mula menjadi sebuah industri perniagaan yang mementingkan keuntungan daripada penjualan dan iklan, maka idealisme yang menjadikan akhbar sebagai penyampai mesej agama mulai berubah situasi dan keadaannya. Amalan agama masa kini sama ada dalam akhbar mahupun di dalam kehidupan seharian menghadapi situasi dan kondisi keadaan yang berbeza akibat daripada wujudnya industri-industri budaya dan kepentingan perniagaan atau komersial yang semakin mendominasi, atau kerap kali disebut sebagai zaman industrialisasi (Altschull, 1984).

Dalam hal ini Stewart M. Hoover (1998) telah melihat terjadinya perubahan sifat media agama di dalam sistem industrialisasi. Menurut Hoover (1989), fahaman "sekularisasi" cenderung mendominasi sikap akhbar terhadap agama. Hipotesis sekularisasi ini mengasaskan andaiannya bahawa dengan rasionalisasi yang progresif dan wujudnya perindustrian, maka agama akan cenderung melemah dan tidak diambil berat oleh akhbar (Hoover *et al.*, 1989).

Perubahan hubungan antara media dan agama ini juga disebabkan perubahan persekitaran (*Milieu*) yang terjadi akibat komersialisasi dalam akhbar. Di sini persekitaran agama digantikan oleh persekitaran hiburan yang menjadikan hiburan seperti ritual di dalam agama. Dalam hal ini, William Kuhns (1969), yang menganalisis perubahan tersebut, merumuskan bahawa media yang berada dalam persekitaran agama telah digantikan persekitaran yang hampir sama dengan persekitaran hiburan. Persekitaran agama dalam media membawa mesej yang semula jadi di mana orang dapat hidup dengan selesa. Begitu pula apa yang ditampilkan oleh persekitaran hiburan di mana media menjadi ritual tersendiri seperti apa yang ditawarkan oleh persekitaran agama, sehingga persekitaran yang dianggap sebagai persekitaran hiburan telah berubah fungsi juga seakan-akan berupa persekitaran (*milieu*) agama. Ini kerana media yang tumbuh dalam persekitaran hiburan telah diandaikan sebagaimana apa yang terdapat dalam persekitaran agama. Seperti apa yang Kuhns (1969:29-30) katakan bahawa :

The entertainment milieu emerges, like the religious milieu, from those sensibilities created by the immediate physical sensorium surrounding people. A religious milieu coalesces the information received from a natural, hostile surrounding in such a way as to

enable people to live comfortably – or at least without constant dread – within the physical world.

The media are to entertainment milieu what religious symbol, rituals, and totems were to the religious milieu: places and moments segregated from the outer environment as a way of countering and relating to it.

Boleh dikatakan bahawa dalam abad moden ini hampir terjadi persamaan antara media yang dipengaruhi oleh persekitaran agama dengan hiburan yang bermula dari abad komersialisasi media. Dengan munculnya komersialisasi di dalam media, media muncul dalam persekitaran hiburan di mana terjadi ritualisasi dalam media seperti yang terjadi dalam persekitaran agama. Walaupun ini lebih condong kepada media radio, TV dan filem, fahaman ini dapat kita terapkan dalam akhbar yang juga tumbuh berkembang dalam keadaan komersialisasi dan industrialisasi.

Walaupun sesebuah akhbar diandaikan sebagai media agama, komersialisasi media dan sistem pasaran bebas membuatkan sulit bagi media agama untuk mempertahankan persekitaran agama yang mereka punyai dalam polisi media. Tekanan pasaran yang cenderung kuat menghasilkan kehadiran persekitaran agama yang boleh dikatakan dikalahkan oleh persekitaran hiburan dan komersialisasi yang semakin kuat mempengaruhi media di dalam sistem pasaran bebas, atau dalam istilah McManus (1992, 1994) disebut sebagai "*Market Driven Journalism*".

Dengan kuatnya keinginan untuk mendapatkan iklan sebanyak mungkin maka ini menimbulkan usaha untuk mendapatkan pembaca seramai mungkin, kerana dengan indikator angka yang tinggi dalam rating pembaca maka secara automatik pengiklan akan lebih condong pada media yang mendapatkan rating tinggi pembaca. Untuk mendapatkan rating pembaca yang tinggi media tidak dapat menjadi media yang hanya berorientasikan satu kepentingan kelompok saja, walaupun media tersebut di bawah kepentingan kelompok agama tertentu.

Apabila akhbar tidak berjaya mendapatkan pembaca agama lainnya, ia berusaha untuk meluaskan pembaca media dari kelompok yang berbeza fahaman dalam pemeluk satu agama. Apatah lagi media yang telah melabur kos yang cukup tinggi dalam pembentukan media, maka mereka mengharapkan pulangan modal yang

tinggi pula untuk membiayai kos yang telah dikeluarkan. Dalam upaya untuk mendapatkan pulangan yang tinggi ini maka media, tidak kira sama ada media agama maupun media bukan-agama akan berorientasi pada persekitaran hiburan yang dapat menjayakan usaha meluaskan lelongok pembacanya. Seperti apa yang dikatakan oleh Carey, media di dalam sistem komersial akan berkhidmat kepada audien yang mempunyai pandangan politik yang beragam dengan "to serve politically heterogeneous audiences without alienating any significant segment of the audiences" (1969 : 32).

Oleh sebab itu, akhbar yang berorientasikan nilai-nilai agama yang cukup kuat, tetapi wujud dalam sistem komersialisasi atau industrialisasi, akan berasa sukar untuk mempertahankan sepenuhnya idealisme agama yang mereka anuti. Akhirnya akhbar tersebut akan cenderung bersifat sekular dan sedapat mungkin tidak mempunyai dasar media yang sifatnya fundamentalis.

2.3. Akhbar dalam Sistem Sosial dan Politik

Bagi ahli pengkaji budaya, kandungan media lebih dipengaruhi oleh pola-pola pemikiran dan hubungan kuasa di luar dari media itu sendiri jika dibandingkan dengan iannya dipengaruhi oleh kawalan kawalan yang timbul dari dalam organisasi media itu sendiri. Curran (1991) dalam hal ini menyatakan bahawa media bukan saja wujud dan dipengaruhi oleh logik ekonomi atau kepemilikan seperti apa yang dinyatakan oleh pendekatan politik ekonomi media, tetapi akhbar juga mendapat pengaruh-pengaruh persekitaran lainnya yang juga sama pentingnya, seperti apa yang dikatakannya di bawah ini :

The assumption at the heart of traditional theory that the free market nurtures fearless newshounds is thus open to question. This said, radical accounts that stress the 'incorporation' of commercial media by big business also need to be viewed critically. Their emphasis on the material transformation of the media is not always balanced by an analysis of countervailing influences within media organizations that make our *relative* journalistic independence. In reality, the need for audience credibility and political legitimacy, the self-image and professional commitment of journalists, and normative public support for journalistic independence are all important influences militating against the subordination of commercial media to the business and political interest of parent companies (1991: 88).

Media dan proses penulisan berita menjadi tempat di mana berlakunya pergelutan ideologi di antara pihak-pihak yang mempunyai kuasa bagi memastikan takrifan terhadap realiti (*the definition of reality*) didasarkan kepada takrifan yang disediakan oleh kelas yang menang dalam pergelutan tersebut. Tetapi pergelutan ideologi di dalam media bukanlah satu pergelutan yang adil dan seimbang kerana biasanya suara daripada kelas dominan lebih diambil berat memandangkan jalan masuk (*access*) kepada media lebih ditentukan oleh struktur hirarki kuasa di dalam masyarakat. Kerana kelas dominan lebih mempunyai kuasa secara politik dan ekonomi sehingga mereka mempunyai jalan masuk secara leluasa kepada media bagi memastikan suara atau takrifan mereka wujud dalam kandungan media (Curran, 1990).¹

Media massa tidaklah mempunyai kuasa penuh dan bebas dalam struktur sosial masyarakat. Media lebih condong mencerminkan kuasa dan ideologi dari institusi dominan ataupun kelompok/kelas sosial dominan dalam masyarakat (institusi agama, ekonomi, politik, budaya dll.) (Morley, 1981; Hall, 1980, 1982; Curran, 1990). Adakalanya media lebih berperanan sebagai "*Guard Dogs*" kepada kepentingan yang berkuasa dan nilai-nilai utama (*mainstream values*) di dalam masyarakat daripada berfungsi sebagai "*Watch Dogs*" (Olien et al., 1989). Dengan demikian, laporan akhbar akan condong pada nilai-nilai dominan di dalam masyarakat dan kepentingan yang berkuasa. Kecondongan ideologi ini tidak nampak begitu menonjol dalam kandungan media, tetapi ianya wujud dalam benda yang tersirat dalam kandungan media atau berita media (Curran et al., 1982).

Menurut Gramsci, media merupakan wadah di mana pertarungan ideologi juga berlaku. Di sini media disyaki mewakili ideologi oleh kelas atau kelompok tertentu dan media digunakan untuk menyebarkan ideologi tersebut. (Al-Zastrow dalam Alex, 2001). Hall (1980) dalam kajiannya tentang *encoding* dan *decoding* menerokai lebih jauh kadar di mana media massa dijadikan sebagai agen yang efisien untuk menyebarkan ideologi dominan dalam masyarakat.

¹ Dalam hal ini pendekatan ekonomi politik dan budaya hampir sama, hanya saja pendekatan budaya mluaskan unit analisisnya yang tidak hanya mengambil kira pihak yang kuat secara ekonomi dan politik (seperti dalam pendekatan ekonomi politik yang hanya bertumpu pada pemilik medianya) tetapi kajian budaya pula menerokahi lebih jauh institusi – institusi dominan di dalam masyarakat.

Dalam hal ini, Altschull (1984) menyatakan bahawa kandungan media massa mencerminkan ideologi dari pihak yang membiayai media massa tersebut. Media massa merupakan institusi perniagaan, katanya, dan, media ini dikendalikan oleh logik ekonomi mahupun politik. Oleh kerana itu, media massa bertindak selari dengan logik tersebut dan disyaki bersikap bias terhadap ideologi dan kepentingan ekonomi dan politik dari pihak yang mempunyai kawalan atas media massa (Golding dan Murdock, 1979). Oleh kerana itu, wartawan dalam melaporkan satu berita, misalnya tentang konflik agama, tidak mempunyai autoriti yang bebas dan akhirnya mereka mesti akur dengan dasar-dasar media yang telah ditentukan oleh pemilik modal, atau mereka akan diberhentikan dari pekerjaan sebagai wartawan. (Milliband dalam Franklin, 1997).

Stuart Hall (1978) menyatakan bahawa wartawan dalam meliput atau melaporkan berita akan dipengaruhi oleh kebergantungan wartawan terhadap penakrif utama (*Primary Definers*) tentang sesuatu peristiwa yang biasanya merupakan jurubicara daripada kepentingan kelas elit seperti polis, peguam, ahli politik, hakim dll di mana bagi jurnalis dengan mendasarkan laporannya melalui komen – komen pentakrif utama tersebut maka jurnalis berharap pendapat atau laporan yang ditulis oleh jurnalis lebih dapat dipercayai kerana mengambil kira sumber – sumber yang mempunyai otoriti.

Menurut Hall pula, ada terdapat dua keberertian (*significance*) daripada penakrif utama ini, iaitu penakrif utama ini menyediakan fakta maklumat mengenai peristiwa – peristiwa khusus (bahan mentah daripada berita) kepada akhbar. Tetapi yang lebih penting bagi Hall ialah mereka sebenarnya memberikan rangka ideologi tertentu kepada akhbar atau wartawan dalam maklumat atau komen yang mereka berikan. Sebagai akibat dari kebergantungan wartawan terhadap penakrif utama, bila terjadi peristiwa kerusuhan (seperti dalam konflik) maka akhbar tidak memaparkan secara jelas sebab-sebab mengapa perusuh melakukan kerosakan atau keganasan. Sebaliknya, akhbar atau wartawan akan melaporkan peristiwa tersebut dari perspektif penakrif utama yang punyai kuasa dan autoriti seperti polis, ahli politik, menteri dll. Tetapi perspektif daripada perusuh dan mengapa mereka melakukan kerusuhan hampir tidak pernah diberitakan atau kedudukan ideologi daripada pihak yang kurang kuasa (*less powerful*) tidak diberitakan. Boleh dikatakan bahawa akhbar akan menjadi

jurubicara pemerintah ketika terjadinya krisis di dalam masyarakat. Seperti apa yang dikatakan oleh Hall (1978 : 59):

The media then do not simply 'create' the news; nor do they simply transmit the ideology of the ruling class in a conspiratorial fashion. Indeed we have suggested that, in a critical sense, the media are frequently not 'the primary definers' of news-events at all; but their structured relation to power has the effect of making them play a crucial secondary role in reproducing the definitions of those who have privileged access, as of right, to the media as accredited sources.

Walau bagaimanapun, di dalam penulisan berita oleh wartawan, mereka sebenarnya tidak dituntut secara kuat untuk lebih mengambil berat takrifan realiti daripada ideologi kelas dominan, misalnya kerana tekanan daripada pemilik atau kuasa lainnya. Tetapi menurut pengkaji budaya (*culturalist*), kecenderungan wartawan kepada takrifan realiti yang ditakrifkan oleh kelas dominan ketika menulis berita adalah disebabkan lebih kerana wartawan telah menghayati (*internalized*) oleh nilai-nilai sosial dominan tersebut sehingga kecondongan kepada kelas dominan tersebut dapat berlaku tanpa kesedaran wartawan itu sendiri atau secara tidak langsung.

Dalam hal ini penulis, seperti apa yang telah diutarakan pada awal bab ini, akan mencuba menggabungkan kedua-dua pendekatan daripada politik ekonomi dan budaya, kerana penulis yakin bahawa akhbar bukan sahaja berkembang dan dipengaruhi oleh logik ekonomi dan politik, tetapi ianya juga sangat dipengaruhi sistem sosial, budaya mahupun agama, sebagaimana Altschull (1984: 254) mencuba merangkum kombinasi ini:

Dalam pola yang rasmi, kandungan dari akhbar, majalah ataupun penyiaran dikendalikan oleh prinsip-prinsip, regulasi dan keputusan-keputusan. Tidak ada sesuatu bangsa yang bebas dari kawalan-kawalan rasmi..... Dalam aspek komersial, kandungan sesuatu media mencerminkan pengiklan dan berikat komersialnya, yang biasanya wujud di antara pemilik dan penerbit. Walaupun dalam ekonomi yang terencana, pelbagai macam kepentingan komersial boleh dikenalpasti, walaupun tidak secara mencolok. Dalam pola kepentingan, kandungan media menyatakan kepentingan syarikat pemberi dana, sebuah parti politik atau mungkin sebuah organisasi agama ataupun pihak-pihak lain yang mempunyai tujuan khas

2.4. Impaknya terhadap Kandungan Akhbar dalam Pelaporan Konflik

Selepas kita mengetahui keadaan hubungan media dan agama dalam suasana komersialisasi, industrialisasi dan sistem sosial, budaya dan politik, kita akan melihat bagaimana impaknya terhadap kandungan media yang meliputi atau melaporkan konflik sama ada konflik agama maupun bukan konflik agama.

Hal yang sangat penting ialah peristiwa konflik yang berlaku dalam apapun bentuknya merupakan komoditi utama bagi akhbar. Berita yang memaparkan terjadinya konflik akan menjadi berita yang paling dinanti-nantikan oleh mana-mana pihak sama ada pihak yang mempunyai kepentingan dalam konflik terbabit atau tidak (Arno, 1984). Konflik, mengikut 'nilai berita' yang dimajukan oleh kebanyakan wartawan, merupakan salah satu isu yang layak menjadi berita (*Newsworthy*). Menurut Hartman dan Husband (1981), konflik adalah hal yang sepatutnya menjadi berita kerana ianya penting bagi masyarakat dan biasanya orang menikmati mendengar tentang suatu konflik yang berlaku. Begitu pula apa yang dinyatakan Roshco (1975: 9): "*conflict and crisis are the stuff of front-page stories more often than amity and success, regardless of the social and political values of individual journalists.*"

Dengan meningkatnya kecenderungan ekonomi dalam media massa di mana akhbar merupakan suatu industri perniagaan, maka akhbar akan cenderung membuat laporannya selari dengan kehendak pasaran (*Market Forces*) (Golding dan Murdock, 1979). Bagi akhbar, peristiwa kekerasan seperti konflik agama ataupun sosial merupakan komoditi yang laku dijual kepada pembaca dan media biasanya mereduksinya seperti suatu peristiwa drama yang mempunyai episod-episod tertentu dan akhirnya dapat meningkatkan pengedaran penjualan dan tentunya akan meningkatkan pendapatan dari iklan (Elliot, 1977; Golding, 1981). Atau, media akan mengurangkan kualiti kandungan media yang semestinya serius dan penting hingga menjadi condong kepada kandungan yang bersifat '*common sense*' ataupun '*sensationalization*' (Golding dan Murdock, 1991; Franklin, 1997). Dalam hal ini, Arno (1984) memberikan peranan akhbar sebagai "*Story Teller*" di mana berita-berita konflik diberitakan dengan mengikut wacana cerita seperti yang difahami oleh konteks masyarakat tempatan. Alur berita dibuat seperti layaknya sebuah cerita yang mempunyai karakter-karakter "wira", "musuh", "dewa penyelamat" dan biasanya

jenis cerita tersebut bersifat mudah dicerna dan dangkal (*Superficial*). Kecenderungan ini berlaku akibat mulai munculnya apa yang disebut "*Yellow Journalism*" di mana akhbar bukan lagi didominasi berita-berita yang serius tetapi berita-berita yang dicuba dijadikan layaknya sebuah drama atau cerita yang merangsang minat pembaca.

Kerana kecondongan untuk meningkatkan pendapatan, sama ada dari iklan atau penjualan, akhbar berupaya untuk meluaskan khalayak pembacanya. Oleh sebab itu, akhbar mengelakkan diri dari menjadi media yang partisan dalam rangka menarik seramai mungkin pembacanya yang berbeza pegangan ideologi ataupun politiknya. Sebagai akibatnya, kandungan media menjadi bersifat umum dan tidak tampak menyokong mana-mana pihak dalam suatu konflik demi memperoleh simpati dari ramai pembaca (Golding, 1981).

Walaupun media mendapat keuntungan dalam pelaporan konflik, tetapi peristiwa konflik merupakan salah satu peristiwa yang dianggap sebagai memesong dalam tata tertib sosial (*Social Disorder - Deviant*) sehingga media massa akan lebih menyokong terciptanya kestabilan dan pelaksanaan undang-undang (*Law Enforcement*), dan ini lantas menyebabkan laporan media lebih merujuk pada agensi-agensi penegak undang-undang, polis, pengadilan dll dan menggambarkan konflik-konflik yang berlaku sebagai tidak wajar atau memesong dari aturan sosial. Hal ini membuat media massa lebih merujuk kepada agen-agen keamanan (polis, tentera atau pemerintah) dalam konflik yang berlaku di dalam masyarakat, atau lebih menyokong versi pemerintah dalam konflik yang berlaku atau menyokong kedudukan status quo (Cohen, S, 1973; Hall, S, 1974).

2.5. Objektiviti dalam Pelaporan Berita

Konsep objektiviti merupakan konsep yang paling kerap tercampur dengan konsep-konsep lain untuk menunjukkan bahawa wartawan semestinya memisahkan antara fakta dengan tafsiran peribadi atau nilai-nilai sendiri. Objektiviti biasanya ditakrifkan sebagai tidak bias kepada nilai-nilai tertentu, misalnya ideologi, agama atau politik, atau boleh dikatakan objektiviti di sini adalah pandangan berkecuali daripada wartawan ketika menulis berita tentang sebuah kejadian. Objektiviti ini pula dihubungkan dengan nilai-nilai profesionalisme daripada wartawan dan kerap kali pula disamakan antara objektiviti dan profesionalisme wartawan (Carey, 1969).

Menurut Schiller (1981), objektiviti sebenarnya mulai muncul dalam suasana dan keadaan komersialisasi atau sistem ekonomi pasaran bebas. Akhbar yang tumbuh dan berkembang di dalam suasana komersialisasi akan menjadikan akhbar tersebut berubah menjadi sebuah komoditi yang hanya berupaya menyenangkan para audiennya demi mendapatkan keuntungan. Akhbar menjadi institusi kapitalis yang mementingkan pulangan untung yang tinggi, atau dalam istilah Schiller disebut "*Commercial Journalism*" (1981).

Munculnya fahaman objektiviti pada awalnya ditandai dengan semakin menurunnya jurnalisme yang berasaskan parti politik tertentu. Dengan ditemukannya teknologi percetakan yang semakin maju dan komersialisasi dalam persuratkhabaran, maka pengedaran akhbar dapat dimungkinkan menjangkau ramai pembaca yang biasanya melalui penjualan di jalan-jalan dengan harga yang terjangkau atau murah (*penny*). Sebagai akibatnya, objektiviti dianggap sebagai fahaman yang penting untuk mendapatkan seramai mungkin pembaca yang berbeza sistem nilainya mahupun status sosialnya sehingga boleh memperolehi keuntungan yang lebih. Dalam hal ini Altschull (1984 : 131) mengatakan bahawa :

In this competition, political advocacy of any sort is disadvantageous, for it is likely to limit the lists of subscribers. Foes of any political stance would not look with sympathy at joining forces with its friends. In other words, it pays to practice objectivity; political neutrality is a commercial benefit. To maximize the number of subscribers, it is necessary to avoid taking sides politically.

Sebagai impaknya, berita tempatan, berita *human interest*, dan yang paling menjolok berita jenayah dan kekerasan (*Violence*) menjadi bahan utama berita dalam rangka memberikan pembaca sebuah "berita" dan bukannya menyokong satu parti atau kelas pedagang (Mott, 1962). Berita-berita yang disebut di atas (iaitu berita tempatan, *human interest* dan berita jenayah) dianggap mudah untuk dipisahkan dari pengaruh ideologi dan politik oleh wartawan kerananya ianya peristiwa-peristiwa yang tidak ada kait-mengkait dengan parti politik atau kelompok tertentu (seperti berita-berita pergaduhan samseng, pembunuhan, perkosaan dan sebagainya). Kalaupun terdapat peristiwa jenayah yang terkait dengan parti politik atau kelompok tertentu, maka berita yang dipaparkan lebih ditumpukan pada terjadinya peristiwa jenayah tersebut daripada dikaitkan dengan parti politik atau kelompok tertentu, atau disebut

"*sensationalism*" (Schiller, 1981). Objektiviti akhirnya ditumpukan pada berita-berita fakta atau peristiwa daripada berita-berita yang mengulas sebab akibat sesuatu peristiwa atau yang menghalu kepada temuan yang jitu. Ini kerana berita-berita semacam ini merupakan komoditi yang mudah dijual dan laku di pasaran (Davison *et al.* dalam Schiller, 1981).

Tetapi dalam hal konflik, akhbar mencuba bersikap tidak memihak atau bersifat "objektif" apabila ianya berkaitan dengan konflik yang berlaku di dalam masyarakat di mana akhbar tersebut mengedarkan naskahnya kerana kalau akhbar memihak salah satu pihak maka sudah pasti pihak yang merasa dirugikan akan tidak berminat untuk membeli akhbar terbabit apatah lagi membacanya.

Tetapi apabila konflik yang terjadi bukan berlaku di dalam negeri atau tempatan, maka akhbar cenderung memihak kepada salah satu pihak yang berkonflik yang bermakna juga untuk meluaskan pembacanya yang berada di dalam negeri (Altschull, 1984). Umpamanya, ketika terjadi perang Iraq dan Amerika Syarikat di Teluk pada tahun 1991, maka akhbar-akhbar di Indonesia mencuba untuk lebih memihak kepada Iraq dalam pelaporannya memandangkan sebahagian besar rakyat Indonesia memihak kepada Iraq. Hal ini dilakukan kerana boleh meningkatkan penjualan atau pendedaran akhbar dan peningkatan pendedaran bererti meningkatnya iklan.

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.1. Pemilihan Kaedah

Kaedah sesebuah kajian biasanya disesuaikan dengan persoalan yang hendak dikaji. Persoalan kajian ini ialah mengenai kecenderungan akhbar dalam memihak salah satu pihak yang sedang bertelagah, dan juga melihat sejauh mana kadar keberpihakan tersebut. Oleh itu, penulis merasa perlu untuk menggunakan dua pendekatan yang berbeza dalam menjawab soalan kajian, iaitu pendekatan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Penggunaan kedua-dua pendekatan ini dimaksudkan untuk mendapatkan jawapan kajian yang lebih bersifat menyeluruh. Kelemahan pendekatan kualitatif diharapkan dapat 'ditutupi' oleh pendekatan kuantitatif, begitu pula sebaliknya.

Pendekatan kualitatif pada asasnya dapat mengungkap permasalahan yang bersifat halus dan laten sedangkan pendekatan kuantitatif berfungsi sebaliknya, iaitu ianya dapat memaparkan permasalahan bersifat nyata dan tersurat. Dalam kajian komunikasi, kedua-dua pendekatan ini mempunyai pelbagai jenis, tergantung kepada objek yang akan dianalisis. Oleh kerana kajian ini menggunakan akhbar sebagai objek analisisnya, maka kaedah kuantitatif yang paling sesuai adalah analisis kandungan (*Content Analysis*), manakala untuk pendekatan kualitatif adalah analisis wacana (*Discourse Analysis*).

Dalam bab tentang metodologi kajian ini, penulis akan mengulas kedua-dua kaedah yang digunakan dan sekaligus langkah-langkah penerapannya atau operasionalisasinya. Wujud dua pendekatan utama dalam analisis wacana yang diperkenalkan oleh Teun A. Van Dijk dan Norman Fairclough. Kedua-dua pakar analisis wacana ini mempunyai cara yang sedikit berbeza dalam kerangka (*framework*) analisis tekstual. Pendekatan Van Dijk lebih menumpukan kepada perihal bagaimana hubungan sosial dan prosesnya di dalam media dilaksanakan pada tahap mikro melalui amalan rutin, manakala tumpuan Fairclough pula lebih kepada melihat bagaimana pergeseran bahasa dan amalan wacana di dalam media mengandungi perubahan sosial dan budaya. (Fairclough, 1995). Dalam hal ini penulis